

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
TARIKH : 10.6.2014
NO. SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah sekolah rendah beraliran Cina (SRJK) yang baru berjaya dibina di negara ini. Kenapakah Kerajaan Pusat tidak memperuntukkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah yang beraliran Cina dan Tamil yang sama dan setaraf dengan sekolah-sekolah rendah Kerajaan (SJK dan SK). Bilakah Kerajaan Pusat akan memberikan peruntukan tahunan yang tetap kepada sekolah-sekolah beraliran Cina dan Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Januari 2014, terdapat 1294 buah sekolah SJK(C) di negara ini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada dasarnya sentiasa komited dalam memperuntukkan bantuan kewangan kepada semua sekolah di negara ini sama ada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Peruntukan yang diberikan meliputi perbelanjaan mengurus yang merangkumi emolumen dan elaun guru, pemberian bantuan per kapita, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, bayaran utiliti dan peralatan pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, peruntukan tahunan yang diterima adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada dan kemampuan kewangan kerajaan.

Kaedah penyaluran peruntukan untuk setiap aliran sekolah dalam RMKe-9 mahupun RMKe-10 adalah berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan

pembaikan kritikal serta bilangan projek-projek sekolah. Walaupun peruntukan ini disalurkan mengikut aliran sekolah, namun terdapat sebilangan Sekolah Jenis Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dikategorikan sebagai Sekolah Kerajaan. Justeru, peruntukan bagi sekolah-sekolah tersebut turut disalurkan melalui peruntukan kepada Sekolah Kebangsaan. Bagi SJKC dan SJKT yang bukan dikategorikan sebagai Sekolah Kerajaan pula, diberikan peruntukan khas di bawah butiran Bantuan Modal.

Kementerian juga tidak mengamalkan diskriminasi dalam merangka peruntukan untuk projek membaik pulih bangunan sekolah yang daif. Ini terbukti di bawah Pakej Ransangan Khas 2012 dan 2013, Kementerian telah memberi peruntukan sebanyak RM100 juta kepada SJKC dan SJKT. Manakala bagi tahun 2014 pula, SJKC dan SJKT telah diperuntukkan sebanyak RM50 juta.

Rjm32